

**PM Hadir Sambutan Jubli Emas Malaysia
Bernama
14 Sept, 2013**

SHAH ALAM, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan menghadiri sambutan Hari Malaysia yang disambut di Sabah dan Sarawak minggu depan.

"Lusa, dengan izin Tuhan, kita akan menyambut genapnya lima puluh tahun perayaan jubli emas Malaysia, yang Insya-Allah akan saya hadiri di Bandaraya Kuching dan Kota Kinabalu," katanya pada pelancaran agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera di Shah Alam Sabtu.

Beliau menyifatkan penyatuan Sabah dan Sarawak, bagi membentuk Malaysia, sesuatu yang perlu disyukuri.

"Sejak negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957, rakyat hidup dalam keharmonian, bersatu padu, membina negara, sebelum diikuti 16 Sept, 1963 apabila Sabah dan Sarawak bergabung bagi membentuk Malaysia.

"Alhamdulillah, penyatuan ini, membawa sejuta rahmat kepada kita," katanya.

Kata Najib kerukunan rakyat Malaysia hidup dalam lingkungan pelbagai bangsa dan kaum, diiktiraf dengan negara ini menduduki tangga ke-20 sebagai negara paling stabil dan aman di dunia.

"Begitulah istimewa dan uniknya Malaysia," katanya.

Menyingkap populasi negara, Najib berkata pada tahun 1970, Bumiputera berjumlah 6.1 juta atau 56 peratus penduduk.

Orang Melayu terdiri daripada sembilan suku kaum utama, orang Asli pula terbahagi kepada 18 kategori, Bumiputera Sabah sebanyak 40 suku, manakala di Sarawak terdapat sejumlah 60 etnik, katanya.

"Semasa Perhimpunan Agong UMNO Tahun 2010, saya sebut bahawa Jawa itu Melayu, Bugis itu Melayu, Banjar juga disebut Melayu, Minangkabau memang Melayu, keturunan Aceh adalah Melayu, Jakun dan Sakai Asli adalah Melayu, Arab dan Pakistani semua juga kira Melayu, malah muallaf bertakrif Melayu, waima.... Mamak dan Malabari pun...dah serap ke Melayu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977763>